

24 APR 1997

Mahathir-Syarikat

SEBANYAK 29 SYARIKAT SERTAI MSC, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Sebanyak 29 syarikat diberikan status Syarikat Koridor Raya Multimedia kerana komitmen mereka untuk turut serta dalam pembangunan Teknologi Maklumat (IT) di sana, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan hari ini.

Syarikat-syarikat itu, termasuk 10 syarikat IT tempatan, merancang membeli tanah di MSC untuk menubuhkan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan mereka, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan di pejabatnya di sini.

Syarikat terbabit dipilih daripada 900 syarikat yang menunjukkan minat dalam MSC.

Mereka ialah Nippon Telephone and Telegraph (NTT), Sun Microsystems, Fujitsu, DHL, Mitsubishi, NCR, NEC, British Telecoms, Reuters, Nortel, Siemens, Sumitomo, Sharp dan ACL.

Syarikat tempatan itu ialah Telekom Malaysia, Mimos Berhad, Sapura, Aims World Wide, PNB, TV3, Alam Teknokrat, Renong Solutions, IOI Multimedia dan CSA.

Mereka juga termasuk lima syarikat usahasama yang ditubuhkan antara Alta Vista dan Alam Teknokrat, Sun Microsystems dan Mimos, Telekom dan Universiti Putra Malaysia.

Dr Mahathir berkata syarikat-syarikat itu akan melancarkan tapak masing-masing di MSC semasa upacara memecah tanah bagi bandaraya IT yang baru, Cyberjaya pada 17 Mei.

Cyberjaya akan menjadi bandaraya IT yang pertama ditempatkan di pusat IT seluas 15 km x 50 km yang meliputi Pusat Bandaraya Kuala Lumpur (KLCC), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang baru di Sepang dan pusat pentadbiran baru, Putrajaya.

"Kita akan mengadakan upacara pecah tanah dan akan terdapat 29 belon di tempat sebenar bangunan-bangunan itu akan didirikan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata satu daripada aplikasi perdana MSC, Universiti Multimedia, yang dimiliki oleh Telekom dan dengan kerjasama NTT akan menjadi projek utama bagi MSC.

Ketika ditanya sama ada konsesi bagi keperluan Bumiputera dalam MSC akan dikembangkan ke seluruh negara di masa hadapan, Dr Mahathir berkata kerajaan perlu menilai kesan konsesi itu dalam MSC sebelum membuat sebarang keputusan yang melibatkan seluruh negara.

"Kita tidak mengenakan kuota bagi Bumiputera (dalam MSC)...sekiranya kita mahu menggunakannya untuk ke seluruh negara, kita perlu melihat kesannya terlebih dahulu dalam Koridor Raya Multimedia," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) Tan Sri Othman Yeop Abdullah berkata usaha-usaha strategik oleh MDC untuk mempromosikan MSC telah menarik pelaburan dan meletakkan Malaysia di tempat teratas sebagai tempat terbaik bagi pelaburan dalam sektor IT.

"Ketika kita pertama kali membuat tinjauan (untuk mengetahui) kedudukan Malaysia daripada segi pilihan pelabur untuk menanam modal, ia berada jauh di bawah daripada segi IT, tetapi selepas promosi itu, Malaysia kini mendahului negara lain, termasuk Singapura," katanya.

MSC menggunakan strategi serampang dua mata iaitu mempelawa syarikat-syarikat terkemuka mendirikan pangkalan mereka di MSC dan pada masa yang sama membangunkan syarikat tempatan untuk berinteraksi dengan mereka dan menjanakan keluaran sampingan yang diperlukan daripada industri multimedia, katanya.

Satu laporan mengenai kemajuan tujuh aplikasi perdana MSC itu akan dikemukakan kepada majlis pelaksanaan pada Julai ini, katanya.

Yang turut hadir pada mesyuarat dua jam itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim. -- BERNAMA

NI AKD